

# ALAMI SATU DIMENSI BARU PERNIAGAAN

Liabiliti Terhad • Fleksibiliti Optimum

## PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD



## PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Milikan Tunggal • Syarikat • Perkongsian

1.1 MILLION  
COMPANIES

BRA  
EQU

BUSINESS  
GLOBAL



¥ \$ RM

CAPITAL INPUT  
TARGET MARKET

PERKONGSIAN  
LIABILITI TERHAD

ND  
ITY



5.6% GDP  
GROWTH

4.9 MILLION  
BUSINESSES



ECONOMIC

€ 3.9%  
ASSET INTEREST

PERKONGSIAN  
LIABILITI TERHAD

# **KANDUNGAN**

## **1. PENGENALAN KEPADA PLT**

- 1.1 Mengenai PLT
- 1.2 Ciri-Ciri utama PLT
- 1.3 Kumpulan sasar PLT
- 1.4 Perbezaan antara PLT dan Perkongsian Konvensional
- 1.5 Perbezaan antara PLT dan Syarikat
- 1.6 Jadual perbandingan pelbagai bentuk perniagaan di Malaysia

## **2. PENDAFTARAN PLT**

- 2.1 Pendaftaran PLT baru
- 2.2 Pendaftaran hendaklah dibuat oleh Pegawai Pematuhan
- 2.3 Penukaran kepada Perkongsian Liabiliti Terhad
- 2.4 Fi pendaftaran
- 2.5 Perjanjian Perkongsian Liabiliti Terhad
- 2.6 Pegawai Pematuhan
- 2.7 Pendaftaran sebagai Pegawai Pematuhan PLT
- 2.8 Kewajipan dan liabiliti Pegawai Pematuhan

## **3. KEWAJIPAN BERTERUSAN PLT**

- 3.1 Pendaftaran pertukaran butir-butir
- 3.2 Penyimpanan Daftar dan Rekod Statutori
- 3.3 Penyimpanan Rekod-Rekod Perakaunan
- 3.4 Perakuan Tahunan

## **4. SOALAN-SOALAN LAZIM**

- 4.1 Asas PLT
- 4.2 Penubuhan dan pendaftaran PLT
- 4.3 Pengurusan PLT
- 4.4 Penukaran kepada PLT
- 4.5 PLT untuk Amalan Profesional
- 4.6 PLT Asing
- 4.7 Penutupan PLT
- 4.8 Lain-lain perkara



## 1 PENGENALAN KEPADA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

### 1.1 Mengenai PLT

PLT merupakan satu bentuk perniagaan alternatif yang menggabungkan ciri-ciri syarikat persendirian dan perkongsian konvensional. Ia memberikan status liabiliti terhad kepada pekongsinya dan menawarkan fleksibiliti peraturan dalam melalui perjanjian di antara pekongsi.

Kombinasi ini akan memberikan usahawan dan peniaga, sebuah bentuk perniagaan yang lebih berstruktur berbanding pemilikan tunggal atau perkongsian konvensional. Ia menawarkan fleksibiliti operasi perniagaan yang dikawal mengikut perjanjian perkongsian disamping menikmati status liabiliti terhad berbanding sebuah syarikat yang tertakluk kepada keperluan pematuhan yang ketat di bawah Akta Syarikat 1965.

PLT adalah satu bentuk perniagaan yang menawarkan prosedur yang mudah dan fleksibel bagi tujuan pertumbuhan, penyenggaraan dan pembubaran dan pada masa yang sama mempunyai ciri-ciri dinamik yang mampu bersaing di peringkat domestik dan antarabangsa. PLT juga telah diperkenalkan di negara-negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, India dan Jepun sebagai satu bentuk perniagaan alternatif.

### 1.2 Ciri - ciri utama LLP

- PLT merupakan suatu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan daripada pekongsinya.
- PLT adalah kekal turun temurun.
- Sebarang perubahan dalam pekongsi PLT tidak akan menjelaskan kewujudan, hak atau liabiliti PLT.
- PLT mempunyai keupayaan yang tidak terhad dan berupaya untuk membawa atau dibawa guaman terhadapnya, memperoleh, memiliki, memegang dan membangunkan atau melupuskan harta.
- PLT boleh melakukan dan menanggung apa-apa perbuatan dan perkara lain yang boleh dilakukan dan ditanggung dengan sah oleh pertubuhan perbadanan (*bodies corporate*).



### 1.3 Kumpulan sasar

PLT boleh ditubuhkan oleh mana-mana kumpulan perniagaan untuk menjalankan perniagaan yang sah disisi undang-undang dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Walau bagaimanapun kumpulan utama yang disasarkan adalah:

- Golongan Profesional
- Perniagaan kecil dan sederhana
- Usahasama (*joint ventures*)
- Modal teroka (*venture capital*)

### 1.4 Perbezaan antara PLT dan Perkongsian Konvensional

PLT menawarkan liabiliti terhad kepada pekongsinya di mana apa-apa hutang dan obligasi PLT akan ditanggung sepenuhnya oleh asset-asset PLT. Dalam kes perkongsian konvensional pula, perkongsi mempunyai liabiliti tidak terhad secara bersama-sama dan berasingan (*jointly and severally liable*) dengan firma perkongsian itu.

### 1.5 Perbezaan antara PLT dan Syarikat

Terdapat banyak perbezaan yang jelas antara PLT dan syarikat. Antara lain, perbezaan utama adalah:

- Tiada keluaran saham.
- Fleksibiliti membuat keputusan.
- Tiada keperluan formal untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan.
- Tiada keperluan untuk mengemukakan penyata kewangan kepada SSM.
- Akaun tidak perlu diaudit.



## 1.6 Jadual perbandingan pelbagai bentuk perniagaan di Malaysia

	SYARIKAT	PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)	PERKONGSIAN AM	PEMILIK TUNGGAL
<b>Sumbangan Modal</b>	Modal saham	Sumbangan Pekongsi	Sumbangan Pekongsi	Sumbangan Sendiri
<b>Pemilik Perniagaan</b>	Syarikat (ahli / pemegang saham memiliki saham dalam syarikat yang memberi mereka hak-hak tertentu berkaitan syarikat)	PLT (pe Kongsi mempunyai bahagian dalam modal dan keuntungan PLT)	Pekongsi	Pemilik Tunggal
<b>Status Undang-Undang</b>	Entiti undang-undang berasingan.	Entiti undang-undang berasingan.	Bukan entiti undang-undang berasingan.	Bukan entiti undang-undang berasingan.
<b>Pihak yang bertanggungjawab untuk hutang perniagaan</b>	Syarikat	PLT	Pekongsi	Pemilik Tunggal
<b>Tanggungjawab pengurusan perniagaan</b>	Lembaga Pengarah.	Pekongsi	Pekongsi	Pemilik Tunggal
<b>Liabiliti peribadi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada liabiliti peribadi ke atas individu pengarah atau pemegang saham</li> <li>• Liabiliti yang ditanggung oleh pengarah atau pemegang saham adalah setakat saham yang tidak berbayar sahaja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada liabiliti peribadi ke atas pe Kongsi, kecuali kerana perbuatan salah atau peninggalan sendiri atau tanpa autoriti</li> <li>• Liabiliti Pekongsi adalah bersesama dan berasingan dengan PLT setakat modal pe Kongsi yang tidak berbayar sahaja</li> </ul>	Liabiliti tanpa had (secara bersesama dan berasingan bertanggung-jawab dengan perkongsian) yang boleh merangkumi aset-aset peribadi pe Kongsi	Liabiliti tanpa had yang merangkumi aset-aset peribadi pemilik tunggal
<b>Bilangan Pemegang Saham/Pekongsi</b>	Minimum 2 dan maksimum 50 dalam syarikat persendirian	Minimum 2 dan tiada had maksimum	2 hingga 20 Pekongsi (Kecuali perkongsian amalan profesional yang tidak ada had maksimum)	Pemilik Tunggal sahaja



## 2. PENDAFTARAN PLT

### 2.1 Pendaftaran PLT baru

Suatu PLT boleh didaftarkan melalui satu permohonan yang dibuat kepada Pendaftar dengan mengemukakan maklumat-maklumat berikut:

- (a) Nama PLT yang dicadangkan;
- (b) Jenis am perniagaan PLT yang dicadangkan;
- (c) Pejabat berdaftar PLT yang dicadangkan;
- (d) Nama dan butir-butir setiap orang yang akan menjadi pekongsi PLT;
- (e) Nama dan butir-butir pegawai-pegawai pematuhan PLT;
- (f) Jika PLT dibentuk bagi tujuan menjalankan apa-apa amalan profesional, permohonan itu hendaklah disertakan bersama surat kelulusan daripada badan kawal selia seperintima ditetapkan dalam ruang ketiga Jadual Pertama Akta PLT 2012; dan
- (g) Apa-apa maklumat berkaitan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

### 2.2 Pendaftaran hendaklah dibuat oleh Pegawai Pematuhan

Pendaftaran LLP hendaklah dibuat oleh Pegawai Pematuhan yang dilantik oleh LLP.

### 2.3 Penukaran kepada Perkongsian Liabiliti Terhad

Suatu permohonan untuk bertukar daripada perkongsian konvensional atau syarikat persendirian kepada PLT boleh dibuat kepada Pendaftar dengan mengemukakan maklumat-maklumat berikut:

- (a) Daripada Perkongsian Konvensional kepada PLT
  - Nama dan nombor pendaftaran perkongsian konvensional;
  - Tarikh di mana perkongsian konvensional itu didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau apa-apa undang-undang bertulis lain;
  - Bahawa pada tarikh permohonan itu, perkongsian konvensional itu didapati boleh membayar hutangnya apabila hutang itu kena dibayar dalam perjalanan biasa perniagaan; dan
  - Semua maklumat lain yang dikehendaki untuk pendaftaran PLT baru sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 2.1 di atas.



[b] Daripada Syarikat Persendirian kepada PLT

- Nama dan nombor pendaftaran syarikat persendirian;
- Tarikh syarikat persendirian itu diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;
- Bahawa pada tarikh permohonan, syarikat persendirian itu didapati boleh membayar hutangnya apabila hutang itu kena dibayar dalam perjalanan biasa perniagaan;
- Bahawa pada tarikh permohonan, semua fi statutori yang tertunggak atau apa-apa amaun yang terhutang kepada mana-mana agensi kerajaan telah dijelaskan;
- Bahawa syarikat persendirian itu telah menyiaran suatu iklan dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan menerbitkan suatu pemberitahuan dalam Warta tentang niatnya untuk bertukar kepada PLT; dan
- Bahawa semua pembiutangnya telah bersetuju dengan permohonan untuk bertukar kepada PLT; dan
- Semua maklumat lain yang dikehendaki untuk pendaftaran PLT baru sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 2.1 di atas.

[c] Daripada firma profesional konvensional kepada PLT untuk Amalan Profesional

- Nama dan nombor pendaftaran [jika ada] firma profesional konvensional itu;
- Tarikh dimana firma profesional konvensional itu didaftarkan di bawah undang-undang berkaitan;
- Bahawa pada tarikh permohonan, firma profesional konvensional didapati boleh membayar hutangnya apabila hutang itu kena dibayar dalam perjalanan biasa perniagaan;
- Surat kelulusan atau surat tiada bantahan daripada badan kawal selia sebagaimana ditetapkan dalam ruang ketiga Jadual Pertama Akta PLT 2012; dan
- Semua maklumat lain yang dikehendaki untuk pendaftaran PLT baru sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 2.1 di atas.

## 2.4 Fi pendaftaran

Fi pendaftaran untuk pendaftaran PLT baru atau untuk penukaran kepada PLT adalah RM500.

## 2.5 Perjanjian Perkongsian Liabiliti Terhad

Hak dan kewajipan bersama pekongsi-pekongsi PLT dan hak dan kewajipan PLT hendaklah ditentukan oleh perjanjian PLT.

Walau bagaimanapun sekiranya ketiadaan perjanjian berhubung apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta PLT 2012, peruntukan Jadual Kedua berkaitan perkara itu hendaklah terpakai.

## 2.6 Pegawai Pematuhan

Setiap PLT perlu melantik seorang Pegawai Pematuhan yang hendaklah:

- [a] merupakan salah seorang daripada pekongsi atau seseorang yang berkelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha di bawah Akta Syarikat 1965;
- [b] sekurang-kurangnya berumur 18 tahun dan warganegara/pemastautin tetap Malaysia; dan
- [c] kebiasaan tinggal di Malaysia.

## 2.7 Pendaftaran sebagai Pegawai Pematuhan PLT

Selepas seseorang itu dilantik sebagai Pegawai Pematuhan PLT, dia hendaklah mendaftar dengan Pendaftar agar membolehkannya menyerah simpan atau mengemukakan dokumen-dokumen bagi pihak pekongsi atau PLT.

Pendaftaran itu hendaklah dilakukan melalui Portal MyLLP dan Pegawai Pematuhan itu dikehendaki pergi ke pejabat terdekat SSM untuk tujuan pengesahan identiti.

## 2.8 Kewajipan dan liabiliti Pegawai Pematuhan

Seorang Pegawai Pematuhan adalah bertanggungjawab untuk melakukan semua tindakan dan perkara yang dikehendaki dilakukan di bawah Akta PLT 2012 dan Peraturan-Peraturan Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 ('Peraturan PLT 2012') seperti berikut:

- [a] Serah simpan atau mengemukakan dokumen-dokumen bagi pihak pekongsi atau PLT sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 6 Peraturan PLT 2012;
- [b] Mendaftarkan pertukaran dalam butir-butir PLT yang didaftarkan dengan Pendaftar jika dan apabila ia berlaku sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 17 Akta PLT 2012;



- (c) Menyimpan daftar-daftar dan dokumen-dokumen statutori di pejabat berdaftar PLT sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 19 Akta PLT 2012;
- (d) Mempamerkan nama dan nombor pendaftaran PLT di luar pejabat pendaftaran dan tempat perniagaannya sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 20 Akta PLT 2012; dan
- (e) Apa-apa perkara lain yang dikehendaki oleh Pendaftar untuk dilakukan oleh PLT dari semasa ke semasa

### 3. KEWAJIPAN BERTERUSAN PLT

#### 3.1 Pendaftaran pertukaran butir-butir

Suatu PLT hendaklah memastikan Pendaftar diberitahu jika apa-apa pertukaran dibuat atau berlaku kepada butir-butir PLT yang telah didaftarkan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pertukaran itu dibuat atau berlaku.

#### 3.2 Penyimpanan Daftar dan Rekod Statutori

Suatu PLT hendaklah pada setiap masa di pejabat berdaftar menyimpan seperti berikut:

- (i) notis pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pendaftar PLT;
- (ii) suatu daftar untuk nama dan alamat setiap pekongsi dan Pegawai Pematuhan;
- (iii) suatu salinan Perakuan Tahunan yang terkini;
- (iv) suatu salinan apa-apa penyata yang diserah simpan dengan Pendaftar di bawah Akta PLT 2012;
- (v) suatu salinan perakuan (jika ada), yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 11(4) Akta PLT 2012;
- (vi) suatu salinan perjanjian PLT dan apa-apa pindaan kepadanya;
- (vii) suatu salinan apa-apa instrumen berhubung dengan apa-apa gadaian yang dibuat oleh PLT; dan
- (viii) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar, dari semasa ke semasa, untuk disimpan oleh PLT.

### 3.3 Penyimpanan Rekod-Rekod Perakaunan

- (i) Suatu PLT hendaklah menyimpan apa-apa rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang mencukupi untuk menjelaskan transaksi dan kedudukan kewangan PLT itu dan membolehkan akaun untung dan rugi dan menyediakan kunci kira-kira dari semasa ke semasa yang memberi gambaran yang benar dan adil tentang keadaan hal ehwal PLT di pejabat berdaftar PLT atau mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh pekongsian dengan syarat bahawa Pendaftar diberitahu dengan sejawarnya tentang tempat lain itu.
- (ii) Suatu PLT hendaklah menyimpan rekod perakaunan dan rekod-rekod lain seperti di atas bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun dari berakhirnya tahun kewangan di mana transaksi atau operasi berkaitan rekod-rekod itu telah selesai.

### 3.4 Perakuan Tahunan

- (i) Suatu PLT hendaklah memastikan diserah simpan dengan Pendaftar setiap tahun dalam tempoh sembilan puluh hari dari akhir tahun kewangan PLT, satu perakuan yang dibuat oleh mana-mana dua orang pekongsinya bahawa PLT itu boleh atau tidak boleh membayar hutangnya apabila ia perlu dibayar dalam perjalanan biasa perniagaan dan perakuan itu hendaklah disertakan dengan butir-butir lain sebagaimana diperlukan oleh Pendaftar.
- (ii) Perakuan Tahunan ini, hendaklah diserah simpan tidak lewat daripada lapan belas bulan dari tarikh pendaftaran PLT.

## 4. SOALAN-SOALAN LAZIM

### 4.1 Asas PLT

#### Mengapakah PLT diperkenalkan di Malaysia?

- Untuk memberikan komuniti perniagaan di Malaysia suatu bentuk perniagaan alternatif untuk melengkapkan lagi pilihan tradisional milikan tunggal, perkongsian dan syarikat-syarikat (tempatan dan asing);
- Untuk memberikan akses kepada status liabiliti terhad kepada perniagaan berbentuk perkongsian;
- Untuk memberikan cara menjalankan perniagaan yang mampu dimiliki.

#### Apakah status perundangan PLT?

Dari segi perundangan, PLT merupakan sebuah pertubuhan perbadanan.



**Kenapa seseorang itu patut memilih untuk mendaftar sebagai PLT dan bukan mendaftar sebagai perniagaan atau memperbadankan syarikat?**

PLT memberikan fleksibiliti dari segi pengurusan dalaman sesebuah organisasi yang tertakluk kepada perjanjian di antara rakan kongsi manakala syarikat tertakluk kepada keperluan pematuhan yang lebih ketat yang terkandung di dalam Akta Syarikat 1965.

**Adakah terdapat apa-apa sekatan berhubung jenis syarikat/perniagaan yang boleh menggunakan PLT sebagai bentuk perniagaan?**

Tidak. PLT boleh digunakan untuk semua jenis perniagaan yang sah di sisi undang-undang dengan tujuan untuk mendapat keuntungan.

**Bolehkah badan-badan kebajikan berdaftar sebagai PLT?**

Tidak. PLT adalah untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mendapat keuntungan sahaja.

## 4.2 Penubuhan dan pendaftaran PLT

**Bagaimana untuk mendaftar PLT?**

PLT boleh didaftarkan melalui permohonan yang dibuat kepada Pendaftar dengan mengemukakan maklumat berikut kepada SSM:

- cadangan nama PLT;
- jenis perniagaan;
- alamat pejabat berdaftar;
- nama dan butir-butir rakan kongsi;
- nama dan butir-butir pegawai pematuhan; dan
- surat kelulusan (dalam kes amalan profesional).

**Bolehkah pendaftaran PLT ditolak atau tidak diterima? Jika ya atas alasan apa?**

Pendaftaran LLP boleh ditolak sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa:

- [a] pendaftaran PLT itu adalah bertentangan dengan keselamatan atau kepentingan negara; atau
- [b] perniagaan yang dicadangkan berkemungkinan digunakan untuk:
  - [i] tujuan kebajikan;
  - [ii] tujuan yang menyalahi undang-undang; atau
  - [iii] tujuan yang memudaraskan ketenteraman awam, kebajikan atau keselamatan atau prinsip moral di Malaysia.



**Adakah terdapat had bilangan rakan kongsi sesebuah PLT?**

PLT perlu mempunyai sekurang-kurangnya minimum 2 rakan pekongsi dan tiada had maksimum untuk bilangan rakan kongsi.

**Siapa boleh menjadi rakan kongsi dalam PLT?**

Individu (orang perseorangan) atau pertubuhan perbadanan sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya.

**Perlukah ada perjanjian perkongsian?**

Ya, berhubung apa-apa perkara yang dinyatakan dalam jadual Akta PLT 2012.

**Bolehkah dua syarikat membentuk PLT?**

Ya, boleh. Ini merupakan bentuk biasa usahasama.

**Berapa lamakah SSM mengambil masa untuk memproses permohonan pendaftaran?**

Suatu notis pendaftaran akan dikeluarkan serta-merta selepas penyerahan permohonan melalui Portal MyLLP dengan syarat semua keperluan pendaftaran dipenuhi.

**Adakah perlu untuk setiap rakan kongsi itu merupakan “pemastautin” di Malaysia?**

Tiada keperluan untuk pekongsi menjadi pemastautin di Malaysia tetapi terdapat keperluan agar pegawai pematuhan merupakan warganegara atau pemastautin di Malaysia.

### 4.3 Pengurusan PLT

**Adakah pekongsi PLT akan bertanggungjawab secara peribadi untuk hutang yang ditanggung oleh PLT?**

Tidak. PLT yang akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hutang dan obligasinya. Walau bagaimanapun, pekongsi akan bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan bagi perbuatan sendiri yang salah atau peninggalan dalam menjalankan perniagaan PLT. Walau bagaimanapun, PLT tidak terikat dengan apa yang dilakukan oleh seorang pekongsi dalam berurusan dengan seseorang jika:

- pekongsi itu telah bertindak tanpa kuasa; atau
- individu yang mana pekongsi berurusan itu mengetahui bahawa pekongsi itu bertindak tanpa kuasa atau tidak mengetahui yang dia seorang pekongsi PLT.

**Di bawah Akta PLT 2012 terdapat keperluan untuk PLT untuk melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai pematuhan. Apakah syarat-syarat bagi seseorang untuk dilantik sebagai pegawai pematuhan PLT?**

Pegawai pematuhan perlu merupakan salah seorang daripada pekongsi atau seseorang yang layak untuk bertindak sebagai setiausaha di bawah Akta Syarikat 1965 yang merupakan:

- [a] warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; dan
- [b] biasanya menetap di Malaysia.



### **Apakah tanggungjawab dan liabiliti pegawai pematuhan?**

Tanggungjawab utama pegawai pematuhan adalah seperti:

- Mendaftarkan apa-apa perubahan butir-butir PLT;
- Menyimpan dan menyelenggara daftar dan rekod PLT; dan
- Memastikan penerbitan nama-nama PLT menurut peruntukan-peruntukan Akta.

Pegawai pematuhan adalah bertanggungjawab secara peribadi terhadap semua penalti termasuklah penalti pentadbiran yang dikenakan ke atas PLT kecuali jika dia dapat membuktikan bahawa dia tidak bertanggungjawab.

### **Bolehkah bilangan pegawai pematuhan lebih daripada seorang?**

Ya, boleh.

**Jika PLT mempunyai dua pekongsi dan salah seorang daripada mereka berhenti daripada menjadi pekongsi atas apa-apa sebab, adakah pekongsi yang masih ada itu perlu melantik pekongsi lain? Adakah terdapat jangka masa untuk berbuat demikian?**

Ya, pekongsi yang masih ada itu perlu melantik seorang pekongsi lain dalam masa enam bulan atau tempoh yang lebih lama yang boleh ditentukan oleh Pendaftar atas permohonan pekongsi sedia ada dan tempoh lanjutan yang diberi tidak patut melebihi satu tahun.

### **Bolehkah pekongsi yang diisyiharkan bankrap terus menjadi pekongsi?**

Pekongsi yang diisyiharkan bankrap boleh terus menjadi pekongsi. Walau bagaimanapun, dia adalah dilarang daripada mengambil bahagian dalam pengurusan PLT itu melainkan dia telah mendapat kebenaran daripada:

- Ketua Pengarah Insolvensi; atau
- Mahkamah dengan syarat bahawa suatu notis tentang niat untuk memohon kebenaran telah disampaikan kepada KPI dan KPI didengar pada permohonan itu.

## **4.4 Penukaran kepada PLT**

**Bolehkah bentuk perniagaan sedia ada seperti syarikat atau firma perkongsian bertukar menjadi PLT?**

Ya, boleh. Dalam kes sebuah syarikat, hanya syarikat persendirian yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dibenarkan. Dalam kes sebuah perkongsian, hanya firma yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau mana-mana firma yang menjalankan amalan profesional dibenarkan.

**Apakah kedudukan syarikat persendirian atau perkongsian konvensional yang bertukar kepada PLT?**

Kedudukan syarikat persendirian atau perkongsian konvesional hendaklah disifatkan sebagai telah dibubarkan.



### **Bolehkah pemilik tunggal bertukar kepada PLT?**

Pemilik tunggal tidak boleh bertukar kepada PLT kerana ia hanya mempunyai 1 pemilik. Pemilik tunggal perlu mendapatkan sekurang-kurangnya satu lagi pekongsi sebelum boleh berdaftar sebagai PLT.

### **Adakah perlu untuk PLT yang telah ditukar untuk memberitahu penukaran tersebut kepada mana-mana pihak yang telah berurusan dengannya sebelum penukaran berlaku?**

Perkongsian liabiliti terhad yang telah ditukar daripada perkongsian konvensional atau syarikat persendirian hendaklah memastikan bagi tempoh dua belas bulan bermula dari empat belas hari selepas tarikh pendaftaran penukaran, tiap-tiap invoice atau surat-menjurut rasmi PLT itu terdapat padanya yang berikut:

- suatu pernyataan bahawa PLT itu, dari tarikh pendaftaran, ditukarkan daripada perkongsian konvensional atau syarikat persendirian, mengikut yang berkenaan, kepada PLT; dan
- nama dan nombor pendaftaran, jika terpakai, bagi perkongsian konvensional atau syarikat persendirian itu yang daripadanya perkongsian liabiliti terhad itu ditukarkan.

### **Bolehkah PLT ditukar semula kepada syarikat persendirian?**

Tidak boleh. PLT perlu membuat penggulungan secara sukarela terlebih dahulu dan kemudiannya memperbadankan syarikat yang baru.

### **Adakah peruntukan perundangan yang sedia ada tidak adil kepada pemutang kerana pekongsi sedia ada boleh mengelak liabiliti dengan bertukar sahaja kepada PLT? Apakah rasional/remedi untuk ini?**

Di bawah Akta PLT 2012, adalah diperuntukkan bahawa semua hak dan liabiliti akan dipindah kepada PLT selepas penukaran daripada sebuah syarikat persendirian atau perkongsian konvensional. Bahkan pekongsi kepada perkongsian konvensional yang telah bertukar kepada PLT hendaklah terus bertanggungjawab secara peribadi, bersama dan berasalingan dengan PLT untuk liabiliti dan obligasi yang ditanggung sebelum penukaran tersebut. Di bawah peruntukan undang-undang, hak pemutang juga dilindungi kerana persetujuan pemutang adalah diperlukan sebelum sesuatu penukaran boleh dibuat.

## **4.5 PLT UNTUK AMALAN PROFESIONAL**

### **Siapakah yang dianggap sebagai golongan profesional di bawah Akta PLT 2012?**

Di bawah Jadual Pertama Akta PLT 2012 kumpulan berikut ditakrifkan sebagai profesional:

- Akauntan Bertauliah
- Peguambela dan Peguamcara
- Setiausaha Syarikat



**Bolehkah dua profesional yang berbeza [contohnya, seorang peguam dan akauntan] menjadi pekongsi dalam satu LLP?**

Tidak boleh. Sebuah LLP ditubuhkan bagi maksud menjalankan amalan profesional hendaklah terdiri daripada orang sebenar yang mengamalkan profesion yang sama sahaja. Ini adalah untuk memastikan bahawa isu-isu integriti dan etika dapat dipantau.

**Akta PLT 2012 menghendaki golongan profesional mendapatkan surat kelulusan daripada badan kawalselia masing-masing sebelum PLT dibentuk untuk amalan profesional. Adakah syarat ini terpakai untuk golongan professional asing yang berhasrat untuk membentuk PLT di Malaysia?**

Akta PLT 2012 tidak melarang golongan profesional asing menjalankan amalan profesional di Malaysia. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat dan kelulusan badan kawalselia berkaitan menurut undang-undang yang mengawal golongan profesional tersebut di Malaysia.

## 4.6 PLT Asing

**Bolehkah PLT asing menjalankan perniagaan di Malaysia?**

PLT asing boleh menjalankan perniagaan di Malaysia dengan mendaftar di SSM dan mengemukakan dokumen berikut:

- Salinan sah sijil pendaftaran di tempat asal pemerbadanan atau penubuhannya; dan
- Salinan sah piagam atau instrumen yang menentukan perlembagaannya, jika ada.

**Adakah perlu untuk setiap pekongsi itu merupakan “pemastautin” di Malaysia?**

Tiada keperluan untuk pekongsi menjadi pemastautin di Malaysia tetapi terdapat keperluan agar pegawai pematuhan perlu merupakan warganegara atau pemastautin di Malaysia.

## 4.7 Penutupan PLT

**Bagaimanakah PLT boleh dibubarkan?**

PLT boleh dibubarkan melalui:

- Penggulungan Mahkamah;
- Perintah Penggulungan Sukarela; atau
- Pemotongan.

**Dalam keadaan apakah sebuah PLT boleh digulungkan oleh Mahkamah?**

PLT boleh digulungkan oleh Mahkamah di bawah keadaan yang sama sesebuah syarikat digulungkan oleh mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965. Akta PLT 2012 memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan dalam Akta Syarikat 1965 berkaitan dengan penggulungan oleh Mahkamah akan terpakai kepada LLP.



### **Bagaimanakah sebuah PLT boleh dibubarkan secara penggulungan sukarela?**

Jika sesuatu PLT telah berhenti beroperasi dan telah menunaikan semua hutang dan liabilitinya, seorang pekongsi PLT itu boleh memohon kepada Pendaftar untuk penggulungan PLT itu secara sukarela dengan syarat semua keperluan yang dikehendaki di bawah Akta PLT 2012 bagi permohonan penggulungan secara sukarela dipenuhi.

### **Dalam keadaan apakah PLT boleh dipotong daripada daftar?**

PLT boleh dipotong daripada daftar sekiranya Pendaftar mempercayai dan mempunyai alasan-alasan yang wajar seperti berikut:

- [a] PLT tidak lagi menjalankan perniagaan;
- [b] Tujuan PLT bertentangan dengan Akta;
- [c] Tujuan PLT bersifat prejudis kepada kepentingan negara;
- [d] Tiada pelikuidasi bertindak dalam kes-kes Mahkamah yang memerintahkan penggulungan; atau
- [e] Urusan PLT telah digulungkan sepenuhnya tetapi aset-aset tidak mencukupi untuk membayar kos bagi memperoleh perintah Mahkamah untuk membubarkan PLT.

### **4.8 Lain - Lain Perkara**

#### **Adakah PLT perlu menguruskan rekod perakaunan?**

Ya. Semua rekod perakaunan perlu disimpan untuk membolehkan akaun PLT disediakan yang memberikan pandangan sebenar dan adil (*true and fair view*) tentang kedudukan hal ehwal PLT. Rekod perakuan hendaklah disimpan untuk tempoh selama 7 tahun.

#### **Adakah penyediaan akaun bagi sesuatu LLP perlu mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan sama seperti syarat yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965?**

Salah satu objektif utama untuk memperkenalkan bentuk perniagaan PLT adalah untuk memberikan fleksibiliti dalam urusan dalaman sesebuah perniagaan. Sama seperti perkongsian konvensional, peruntukan perundangan PLT tidak menetapkan keperluan penyediaan akaun PLT dibuat mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan. Walau bagaimanapun sebuah PLT perlu menyediakan dari semasa ke semasa rekod-rekod perakaunan yang akan memberi gambaran yang benar dan adil mengenai keadaan hal ehwal kewangan PLT.

**Perlukah ada pengauditan perakaunan?**

Tiada keperluan untuk pengauditan mandatori untuk PLT.

**Perlukah PLT mengemukakan Penyata Tahunan?**

Tidak. Bagaimanapun, PLT perlu mengemukakan Deklarasi Tahunan kepada Pendaftar dengan menyatakan sama ada PLT mampu membayar hutangnya atau sebaliknya.

**Perlukah PLT mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan?**

Tiada keperluan untuk PLT mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan..

**IBU PEJABAT**

Menara SSM@Sentral  
No 7, Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur  
SSM Contact Centre | Tel: 03 7721 4000  
Fax: 03 7721 4001 | E-mail: [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my)

**SUNWAY PUTRA MALL**

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (ROS)  
Tingkat 16, Sunway Putra Place,  
100 Jalan Putra, 50622 Kuala Lumpur  
Tel: 03-4043 0811 | Fax: 03-4043 0832

**URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC)**

KUALA LUMPUR  
T2-1, Tingkat 2, Bangunan UTC Kuala Lumpur  
Jalan Pudu (Pudu Sentral), Kuala Lumpur  
Tel: 03-2026 2041 / 03-2026 2042 | Fax: 03-2026 2036

**PEJABAT NEGERI**

JOHOR  
Podium 4B & 5, Menara Ansar, 65 Jalan Trus,  
80000 Johor Bahru, Johor  
Tel: 07-224 4710 | Fax: 07-224 1714 / 224 8169

**KEDAH**

Tingkat 1 & 2, Wisma PERKESO,  
No.186 Jalan Teluk WanJah,  
05538 Alor Setar, Kedah  
Tel: 04-733 0111 | Fax: 04-731 5517

**KELANTAN**

Tingkat 2, 3 & 4, Kota Sri Mutiara,  
Jalan Sultan Yahya Petra,  
15150 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-748 2860 / 748 4599  
Fax: 09-744 7622 / 747 2607

**MELAKA**

Aras Bawah Menara MITC  
Kompleks MITC, Jalan Konvensyen  
75450 Ayer Keroh, Melaka  
Tel: 06-231 1717 | Fax: 06-231 3502

**URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC)**

MELAKA  
Aras 3, Wisma UTC  
Jalan Hang Tuah  
75300, Melaka  
Tel: 06-2830076

**NEGERI SEMBILAN**

Aras 3, Wisma Perkoso, Lot 3757 & 52  
Jalan Sungai Ujong,  
70000 Seremban, Negeri Sembilan  
Tel: 06-761 9098 / 761 5506 / 06-764 1885 / 764 5598  
Fax: 06-765 5877

**PAHANG**

No. 3.04 – 3.11, Tingkat 3,  
Mahkota Square, Jalan Mahkota,  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel: 09-516 4866 / 516 4600  
Fax: 09-516 1869 / 516 3316

**PERAK**

Tingkat 2C, Greentown Mall,  
Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak  
Tel: 05-241 6900 / 254 7913 / 253 3071  
Fax: 05-255 7162

**PERLIS**

Tingkat 8, Bangunan KWSP,  
Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar, Perlis  
Tel: 04-978 1877 / 976 7899 / 977 3182  
Fax: 04-977 4758

**PULAU PINANG**

Tingkat 6-7, Bangunan KWSP,  
No. 3009, Off Lebuh Tengin 2,  
Bandar Seberang Jaya, 13700 Pulau Pinang  
Tel: 04-397 7793 | Fax: 04-397 7713

**SABAH**

Tingkat 4, Menara MAA,  
6 Lorong Api-Api, Locked Bag 2039,  
88999 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel: 088-233 551 / 233 346 | Fax: 088-237 884

**SARAWAK**

Tingkat 2 & 3, Wisma STA,  
26 Jalan Datuk Abang Abdul Rahim,  
93450 Kuching, Sarawak  
Tel: 082-481 499 | Fax: 082-334 622

Tingkat 3 & 4, Plaza Alam Sentral,  
Jalan Majlis, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5511 6500 / 5513 9570 / 5513 5997 / 5513 3976  
Fax: 03-5510 4200 (Tingkat 3) / 03-5510 6200 (Tingkat 4)

**SELANGOR**

Tingkat 3 & 4, Plaza Alam Sentral,  
Jalan Majlis, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5511 6500 / 5513 9570 / 5513 5997 / 5513 3976  
Fax: 03-5510 4200 (Tingkat 3) / 03-5510 6200 (Tingkat 4)

**TERENGGANU**

Tingkat 6-7, Menara Yayasan Islam,  
Jalan Sultan Omar,  
20300 Kuala Terengganu, Terengganu  
Tel: 09-623 7170 / 623 7127 | Fax: 09-623 0845 / 6237172

**WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

No. 6A1 & 6A2, Tingkat 6,  
Block 4, Kompleks Ujana Kewangan,  
Jalan Merdeka, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan  
Tel: 087-414 100 | Fax: 087-414 152

**KAUNTER SERVIS**

LANGKAWI  
Putus Perkhidmatan Suruhanjaya Syarikat Malaysia  
No 4, Aras Mezzanine, Kompleks LADA  
Jalan Persiaran Putra  
07000 Langkawi, Kedah  
Tel: 04-966 7943 | Fax: 04-966 5318

**PEJABAT CAWANGAN**

MIRI  
Tingkat Bawah, Yu Lan Plaza,  
Lot 97, Jalan Brooke, 98008 Miri, Sarawak  
Tel: 085-424 777 / 421 117 | Fax: 085-422 225

**MUAR**

No. 1, Jalan Perdagangan,  
Off Bulatan Jalan Bakri,  
84000 Muar, Johor  
Tel: 06-954 6611 / 954 7711 | Fax: 06-954 6600

**TAWAU**

TB 4444, GF & 1st floor, Blok F,  
Sabindo Square, Jalan Dunlop,  
91018 Tawau, Sabah.  
Tel: 089-750 585 / 752 585 | Fax: 089-754 585

**TEMERLOH**

No. 15 & 16, Jalan Ahmad Shah,  
28000 Temerloh, Pahang.  
Tel: 09-296 4600 / 296 5600  
Fax: 09-296 0010

**KAUNTER PERKHIDMATAN PENDAFTARAN**

PERNIAGAAN PUTRAJAYA  
Kaunter Khidmat Pengguna, Aras G,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK),  
No. 13, Persiaran Perdana,  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62623 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.  
Tel: 03-8882 6509 / 6480

# RANGKAIAN MEDIA SOSIAL SSM

ssmofficialpage



RANGKAIAN MEDIA  
SOCIAL SSM  
scan QR CODE here

**MENARA SSM@SENTRAL**

No 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur

SSM Contact Centre | Tel: 03 7721 4000 | Fax: 03 7721 4001

Email: [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my) • Web: [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my)